

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

OKTOBER/NOVEMBER 1995

RAG 121 - SAINS PERSEKITARAN

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan: **DUA** dari **Bahagian A** dan **TIGA** dari **Bahagian B**.

BAHAGIAN A (Jawab **DUA** soalan sahaja)

1. Terangkan apakah Pencemaran Air? Bincangkan keadaan Pencemaran Air di negara kita. Apakah kesannya atas manusia dan ekosistem - tumbuhan, haiwan akibat dari pencemaran air.

Untuk menilaikan kualiti air, huraikan ujian-ujian dan sukatan yang mesti dijalankan.

(20 markah)

2. Tulis nota-nota ringkas atas:

- a) Kesan Pencemaran Udara atas Manusia dan Alam Sekitar.
- b) Pertimbangan Bunyi Bising dalam rekabentuk bangunan dan perancangan tapak (*site planning*)
- c) Kaedah-kaedah untuk mengawal Hakisan Tanah.
- d) Sampah sarap

(20 markah)

...2/-

BAHAGIAN B (Jawab **TIGA** soalan sahaja)

3. Tuliskan nota ringkas dari perkara-perkara berikut:-

- a) Iklim mikro
- b) Iklim panas lembab
- c) Cuaca
- d) Keselesaan therma
- e) Kelembapan relatif

(20 markah)

4. a) Nyata dan huraikan dua jenis utama cahaya pada bangunan dan nyatakan kepentingan-kepentingan serta kelemahan keduanya pada bangunan.

- b) Dengan bantuan lakaran, bagaimana kebasahan di dalam bangunan dapat dielakkan dari simbahan air hujan.

(20 markah)

5. a) Jelaskan beberapa fungsi utama pengudaraan pada bangunan.

- b) Apakah kepentingan penanaman pokok-pokok di sekitar kawasan perumahan. Apakah hubungannya dengan penjimatan tenaga.

(20 markah)

6. Berikan pendapat anda tentang penggunaan kaca secara meluas sebagai dinding luar "curtain wall" bangunan tinggi di negara kita. Bagaimanakah penggunaannya boleh dipertingkatkan keberkesannya dan boleh mengurangkan masalah-masalah yang timbul.

(20 markah)

-ooo00ooo-